

KUKUM MENANG ANUGERAH IDEA TERBAIK PERTANDINGAN ROBOCON 2006 PERINGKAT KEBANGSAAN



Penyertaan KUKUM buat kali ke-4 pada pertandingan ROBOCON 2006 Peringkat Kebangsaan membuahkan hasil apabila Pasukan Robocon KUKUM A telah memenangi Anugerah Idea Terbaik dalam pertandingan tersebut. Pertandingan yang berlangsung pada 6 hingga 7 Mei 2006 di Dewan Merdeka, PWTC Kuala Lumpur merupakan anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), SIRIM dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Sebanyak 51 pasukan yang terdiri daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menyertai pertandingan tersebut.

Pada pertandingan ini KUKUM telah menghantar tiga pasukan yang terdiri daripada KUKUM A, KUKUM B dan KUKUM C. Anugerah Idea Terbaik yang dimenangi menerusi pasukan KUKUM A berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 2,500.00 berserta trofi. Manakala dua lagi pasukan daripada KUKUM iaitu KUKUM B dan KUKUM C yang menyertai pertandingan tersebut turut berjaya mara ke peringkat suku akhir. Kejayaan KUKUM mara ke peringkat suku akhir pada pertandingan ini amat bermakna kerana KUKUM adalah satu-satunya pasukan dari Kolej Universiti yang berjaya sampai ke peringkat ini.

Lebih membanggakan lagi apabila robot ciptaan KUKUM diberi pengiktirafan kerana telah dipilih sebagai robot untuk melakukan gimik pada pelancaran pertandingan tersebut. Pelancaran perasmian pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT.